

# BENGKEL PENINGKATAN KOMPETENSI DIGITAL PEMIMPIN SEKOLAH (PENOLONG KANAN)



**Labuan, 5 Mei 2026** – Bengkel Peningkatan Kompetensi Digital Pemimpin Sekolah yang melibatkan Penolong Kanan Pentadbiran sekolah rendah dan menengah di Wilayah Persekutuan Labuan telah dilaksanakan pada 05 Mei 2026 di Bilik Seminar Raflesia, Ujana Kewangan.

Bengkel ini diurus setiakan oleh Sektor Pengurusan Sekolah dan Sektor Sumber Teknologi Dan Pendidikan, JPWP Labuan merupakan inisiatif di bawah Teras 3: Pemerksaan Kompetensi Digital Pemimpin Pendidikan dalam Dasar Pendidikan Digital, yang bertujuan memperkukuh keupayaan pemimpin sekolah dalam mengintegrasikan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) dalam pengurusan kurikulum.

Sepanjang bengkel, para peserta telah didedahkan dengan

penggunaan Canva AI, NotebookLM dan GEMINI bagi menghasilkan bahan pengurusan kurikulum yang lebih sistematik, berimpak tinggi serta berasaskan data seperti dashboard, infografik, laporan analitik dan dokumen digital.

Diharapkan usaha ini dapat mempercepatkan transformasi pengurusan kurikulum ke arah lebih efisien, moden dan berdaya saing, selaras dengan keperluan pendidikan masa kini.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.

[#JPWPLabuan](#)

[#PendidikanDigital](#)

[#Teras3](#)

[#KepimpinanSekolah](#)

[#AIDalamPendidikan](#)


[#TransformasiDigital](#)













---

# MESYUARAT AKRAB BILANGAN 1 TAHUN 2026



**Labuan, 4 Mei 2026** – Mesyuarat AKRAB Bil. 1 Tahun 2026 telah diadakan pada jam 2.30 petang bertempat di Bilik Manikar, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Puan Norazimah binti Yaacob selaku pengerusi AKRAB JPWPL bagi membincangkan perancangan program dan aktiviti AKRAB sepanjang tahun 2026, selaras dengan usaha memperkukuh peranan AKRAB dalam menyokong kesejahteraan warga jabatan.

Selain itu, mesyuarat turut memberi fokus kepada penentuan tugas ahli AKRAB sebagai jawatankuasa pelaksana bagi Kursus Pengurusan Tekanan anjuran Sektor Psikologi

dan Kaunseling yang akan berlangsung pada 5 Mei 2026.

Perbincangan berjalan dengan lancar dan penuh komitmen daripada semua ahli yang hadir. Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 5.00 petang.





---

# **BENGKEL KERJA PEMERKASAAN PENGURUSAN SAHSIAH DAN DISIPLIN SERTA PEMANTAPAN PENGURUSAN WARDEN ASRAMA SEKOLAH PERINGKAT WP LABUAN**



**Labuan, 6-7 Mei 2026** – Bengkel Kerja Pemerkasaan Pengurusan Sahsiah dan Disiplin serta Pemantapan Pengurusan Warden Asrama Sekolah Peringkat WP Labuan telah diadakan pada selama dua hari bertempat Dewan Utama, Kompleks Darul Kifayah (KDK), MAIWP Cawangan Labuan.

Objektif bengkel adalah memberi pemantapan dan pendedahan pengurusan PK HEM, Ketua Guru Disiplin, Ketua Warden dalam bidang masing-masing terutama sudut sahsiah dan disiplin. Selain itu juga , bengkel ini memberi pengetahuan berkaitan literasi undang-undang

dalam menangani isu dan kes murid yg berlaku di sekolah mahupun di luar sekolah.

Sasaran peserta adalah terdiri daripada PK HEM SR dan SM, Ketua Disiplin, Guru Bimbingan dan Kaunseling serta Warden Asrama sekolah (SM Sains, SM Agama MAIWP, KDK dan Kolej Vokasional) seramai 130 orang peserta.

Penceramah :

1. En Mohd Solehan bin Ahmad Shah,  
Ketua Jabatan, Jabatan Pengurusan Hal Ehwal Murid dan Kaunseling, IAB Bandar Enstek, Negeri Sembilan
2. Dr Zaharul Arifin bin Md Zin  
Pensyarah Kanan, Jabatan Pengurusan Hal Ehwal Murid dan Kaunseling, IAB Bandar Enstek, Negeri Sembilan.

Bengkel ini dirasmikan oleh Encik Yahya bin Ahmad Puteh, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Bengkel ini dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan WP Labuan dengan kerjasama MAIWP Cawangan Labuan, diurus setia oleh Unit HEM, Sektor Pembangunan Murid dan Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan WP Labuan.













---

# KURSUS PENGURUSAN TEKANAN JPWP LABUAN 2026



**Labuan, 5 Mei 2026** – Kursus Pengurusan Tekanan telah berjaya dilaksanakan di Bilik Benua, SSTP, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dengan penyertaan seramai 40 orang peserta.

Program ini melibatkan ahli AKRAB serta anggota kumpulan pelaksana JPWP Labuan, bertujuan meningkatkan kesedaran dan kemahiran dalam mengurus tekanan secara berkesan, seterusnya menyokong kesejahteraan psikologi warga jabatan.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Puan Norazimah binti Yaacob, Pengerusi AKRAB JPWP Labuan, diikuti ucapan perasmian oleh Encik Yahya bin Ahmad Puteh, Pengarah Pendidikan JPWP Labuan.

Pengisian kursus dimulakan dengan slot Pengurusan Tekanan yang disampaikan oleh Encik Sabdin bin Japarudin, Ketua Kaunselor Pendidikan Negeri. Seterusnya, peserta

didedahkan dengan Ujian DASS yang dikendalikan oleh Puan Salihah binti Yusoff selaku Penyelaras AKRAB JPWP Labuan bagi membantu mengenal pasti tahap tekanan, kebimbangan dan kemurungan.

Slot terakhir diteruskan dengan aktiviti bimbingan kelompok yang dikendalikan oleh ahli-ahli AKRAB, yang memberi ruang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman serta membina sokongan emosi secara berpasukan.

Secara keseluruhannya, kursus ini berjaya mencapai objektif dalam memperkukuh kemahiran pengurusan tekanan serta memupuk budaya kerja yang lebih sihat dan sejahtera dalam kalangan warga JPWP Labuan.

Lihat Sedikit







